

**DATE:** 28 FEBRUARY 2024

**PUBLICATION:** BERITA HARIAN

**SECTION:** BISNES

**HEADLINE:** 'PENURUNAN RINGGIT HANYA SEMENTARA'

# 'Penurunan ringgit hanya sementara'

## *Dari Muka 1*

"(Ya), penurunan ringgit itu membimbangkan. Kita melihat ke hadapan, namun berdasarkan angka pelaburan yang mana Malaysia mencatat rekod pelaburan terbesar dalam sejarah; inflasi terus menurun dan pertumbuhan adalah berdaya tahan berbanding negara jiran," kata Perdana Menteri.

Pada tengah hari semalam, ringgit diniagakan pada 4.7770/7805 pada 12.32 selepas dibuka pada 4.7775/7805 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) daripada 4.7750/7795 semasa ditutup pada Isnin.

Sementara itu, menurut penganalisis, kejatuhan nilai ringgit ketika ini hanya bersifat sementara dan ia dijangka kembali

mengukuh kepada 4.20 hingga 4.40 pada tahun ini.

Pengarah Urusan Icapital.biz Bhd (icapital), Tan Teng Boo, berkata nilai ringgit yang melemah ketika ini hanya bersifat sementara kerana faktor struktur yang datang dari luaran.

Katanya, isu mata wang perlu dilihat secara menyeluruh dengan ekonomi keseluruhan termasuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan kestabilan politik.

Malah apabila ekonomi China pulih dengan kukuh dan semikonduktor global meningkat, ia akan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia.

"Ringgit ketika ini terjejas disebabkan faktor luaran seperti kadar faedah Rizab Persekutuan AS. Jika Fed turunkan kadar

faedahnya, sudah pasti ringgit akan kukuh.

"Eksport akan terus kukuh kerana Malaysia dalam sektor semikonduktor yang sentiasa mendapat permintaan dan ini akan turut membantu.

"Kestabilan politik, kesinambungan politik yang ada hari ini juga menjadi asas kukuh ringgit.

"Apa yang berlaku pada ringgit ketika ini adalah datang dari faktor luaran, jadi semua pihak perlu lihat fakta dan jangan jadikannya sebagai isu politik," katanya.

Teng Boo juga berkata, kenyataan Gabenor BNM mengenai ringgit pada masa ini berada di bawah nilai sebenar adalah benar.

Penilaian mata wang kata-

nya, adalah subjek yang sangat rumit dengan seseorang boleh melihatnya secara sempit atau seseorang boleh melihatnya secara holistik.

Namun, katanya, penilaian rendah boleh berterusan untuk jangka masa yang lama, bukan hanya ringgit tetapi bagi banyak mata wang lain.

"Saya rasa penilaian mata wang perlu dilihat secara lebih holistik sama ada negara menikmati lebih akaun semasa, sama ada negara berdaya saing, sama ada negara mampu menarik kualiti mata wang yang baik dan sebagainya.

"Kemudian jika anda melihatnya secara holistik, itu lebih tepat dalam menilai sama ada mata wang itu melemah berbanding mata wang lain," katanya.